

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 24/02/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 11



ABDUL FATTAH ABDULLAH menunjukkan penapis buah pinggang yang akan dibekalkan kepada 20 buah pusat dialisis milik koperasi di negara ini, semalam. - BERNAMA

Angkasa buka lima pusat dialisis RM5 juta

SHAH ALAM 23 Feb. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan membuka lima buah pusat dialisis MyAngkasa dengan kos kira-kira RM5 juta tahun ini dalam usaha menyediakan kemudahan rawatan kepada pesakit buah pinggang.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pusat perkhidmatan dialisis yang dikendalikan sepenuhnya oleh Angkasa itu akan dibuka di Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu dan Sabah.

Katanya, ketika ini, pihaknya mempunyai dua pusat dialisis iaitu di Temerloh, Pahang dan Alor Setar, Kedah sementara 20 lagi dikendalikan jaringan koperasi.

"Pembukaan lima pusat ini menggunakan modal dalam Angkasa sendiri. Setiap satu pusat dialisis dilengkapi enam buah mesin dan boleh menempatkan kira-kira 24 pesakit sehari," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara ASEAN Co-operation Organisation (ACO) dengan Scientillence Sdn. Bhd. (Scientillence) di sini, hari ini.

ACO diwakili Abdul Fattah selaku Presiden manakala Scientillence oleh pengerusinya, Tan Sri Lim Tong Yong.

Majlis tersebut disaksikan Setiausaha Agung ACO, Datuk Hanapi Suliman dan Ahli Lembaga Pengarah Scientillence, Ken Lim.

Abdul Fattah memberitahu, ACO dan Scientillence akan bekerjasama memasarkan produk penapis buah pinggang 'dialyzer' ke pasaran tempatan dan ASEAN.

"Scientillence akan membekalkan penapis buah pinggang berteknologi Jerman dengan kos terendah di 20 pusat dialisis koperasi di negara ini yang ketika ini menawarkan perkhidmatan dialisis kepada kira-kira 600 pesakit," ujarnya.